



1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
2019

UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
SMK SUNGAI KARANGAN

2 ¼ Jam

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019 (PEPERIKSAAN PERCUBAAN)

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

(1103/1)

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang **cara-cara murid mengisi masa lapang mereka dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

CARA-CARA MENGISI MASA LAPANG

bersukan



membaca



membantu ibu bapa melakukan kerja rumah

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Setiap murid mempunyai cita-cita yang tersendiri.
Bincangkan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan sebelum anda menceburi bidang kerjaya yang diminati.
- 2 Kebersihan kawasan rumah amat penting.
Huraikan peranan ibu bapa untuk memupuk amalan menjaga kebersihan kediaman dalam kalangan anak-anak.
- 3 Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) tidak seharusnya dipinggirkan. Mereka perlu diberikan peluang sama rata dengan masyarakat yang lain.
Bincangkan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu golongan ini.
- 4 Anda ingin menulis sebuah rencana dalam akhbar tempatan tentang kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang menyebabkan pelbagai keburukan kepada masyarakat global.
Tulis rencana itu selengkapnya.

5

cinta dalam rahim dilupai dari sulung ditendang ke bongsu dari angah ditendang ke sulung balik kucari erti hidup menderita mengerang sakit berdiri tanpa ruang.
--

Petikan rangkap sajak di atas menjelaskan kesedihan hati seorang ibu yang diabaikan oleh anak-anaknya.

Huraikan bagaimanakah anak-anak boleh membalas jasa ibu bapa mereka?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT